



SIARAN MEDIA

ACMROCH 2024 MEMPERKUKUHKAN AGENDA PERUMAHAN DAN PEMBINAAN DI PERINGKAT ASEAN DAN CHINA

KUALA LUMPUR, 4 Julai 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) dan TYT Ni Hong, Menteri Perumahan dan Pembangunan Bandar dan Luar Bandar (MOHURD), Republik Rakyat China mempengerusikan **Mesyuarat Meja Bulat Menteri ASEAN- China** yang diadakan di Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur pagi ini. Mesyuarat ini adalah berkaitan **Pembinaan dan Perumahan (ASEAN-China Ministerial Roundtable on Construction and Housing (ACMROCH 2024))**.

Bertemakan **Membina Masa Depan yang Mampan: Mendalami Kerjasama ASEAN-China dalam Perumahan dan Pembangunan Bandar untuk Kemakmuran**, ACMROCH 2024 turut dihadiri oleh Menteri-Menteri serta wakil dari 10 negara ASEAN lain termasuk Sekretariat ASEAN, Timor-Leste dan Republik Rakyat China. Mesyuarat ini merupakan platform penting bagi ASEAN dan China untuk menyelaraskan dasar, program dan peluang kerjasama dalam memenuhi keperluan perumahan yang semakin meningkat di rantau ini.

Semasa ACMROCH 2024, Menteri-Menteri dan wakil dari negara ASEAN dan China telah membincangkan perkara-perkara berikut iaitu :

- a. Membahas dan bertukar pandangan mengenai cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN dalam pembangunan perumahan dan industri pembinaan;
- b. Mengenal pasti amalan terbaik dan inovasi dalam pembangunan perumahan yang boleh dicontohi antara negara-negara ASEAN dan China;

- c. Membincangkan peluang dan inisiatif kerjasama ASEAN-China untuk membangunkan kemahiran dan teknologi baharu dalam sektor pembinaan dan perumahan;
- d. Mengkaji bentuk-bentuk pembiayaan dan pelaburan yang boleh dimanfaatkan untuk memacu pembangunan perumahan yang lebih terjangkau dan lestari di rantau ASEAN; dan
- e. Menghasilkan rangka kerjasama baharu yang akan memperkukuhkan hubungan ASEAN-China dalam industri pembinaan dan perumahan.

ACMROCH 2024 merupakan platform penting untuk **menggalakkan dan mewujudkan perbincangan serta perkongsian pengalaman dalam kalangan negara ASEAN dan Republik Rakyat China mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals-SDGs*), Agenda Perbandaran Baharu (*New Urban Agenda-NUA*), *Belt and Road Initiative (BRI)* serta topik yang berkaitan terutamanya dalam bidang perumahan, bandar pintar dan pembinaan.**

Pada akhir ACMROCH 2024, Menteri-Menteri serta wakil dari ASEAN telah memperakukan Kuala Lumpur *Communique* yang akan memperincikan hasil perbincangan serta keputusan strategik yang dicapai semasa mesyuarat. Daripada perbincangan tersebut, beberapa rumusan dan cadangan seterusnya telah diketengahkan iaitu:

- i. ASEAN dan China bersetuju untuk meningkatkan kerjasama ASEAN-China dalam bidang pembinaan dan perumahan, terutamanya dalam pertukaran teknologi, inovasi, dan amalan terbaik;
- ii. ASEAN dan China menyarankan agar kerajaan di seluruh ASEAN menggiatkan langkah-langkah untuk memastikan pembangunan perumahan yang lebih mampan dan mesra alam dengan memanfaatkan sumber tenaga boleh baharu dan aplikasi teknologi hijau;

- iii. ASEAN dan China mencadangkan agar pembiayaan pembangunan perumahan diperkukuh melalui kerjasama dengan institusi kewangan, sektor swasta dan skim perumahan awam yang lebih inklusif.
- iv. Pembangunan kemahiran dan kapasiti pembinaan dalam kalangan tenaga kerja tempatan perlu diperkasa untuk menyokong agenda pembangunan perumahan yang lebih mampan dan berkualiti.

Menurut YB KM, “AMROCH 2024 dilihat sebagai sebuah kerjasama yang strategik antara Malaysia, ASEAN dan China yang mana ia selaras dengan kepengerusian ASEAN Malaysia pada 2025 nanti”.

Turut hadir bersama di majlis ini ialah YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Persekitaran Mampan), Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), wakil-wakil Kedutaan ASEAN dan Republik Rakyat China serta wakil Kementerian-Kementerian dan wakil UN-Habitat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon: 03-8891 5555 | Faks: 03-8891 5557 | E-mel: media.ukk@kpkt.gov.my*

